

31 OCT 2002
Parlimen-Usul (Menteri)
SATU LAGI USUL POTONG RM10 GAJI MENTERI DITOLAK

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat sekali lagi menolak usul pembangkang untuk memotong RM10 gaji Menteri, kali ini terhadap Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang didakwa lemah dan gagal menjalankan tugasnya.

Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng mengumumkan keputusan terhadap usul menolak usul itu setelah mendengar lebih banyak suara yang menyatakan "tidak" daripada suara anggota dewan yang "bersetuju".

Usul yang dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 66.9 hari ini ialah yang ketiga ditolak oleh dewan. Sebelum ini, Dewan Rakyat telah menolak usul memotong RM10 gaji Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus, semasa menggulung usul yang dikemukakan oleh Husam Musa (PAS-Kubang Kerian), menyifatkan tindakan pembangkang mengemukakan usul sedemikian bertujuan mencari publisiti murahan dan menjadikan Parlimen sebagai medan melepaskan kemarahan kepada kerajaan.

Sambil melahirkan rasa dukacita terhadap usul yang prejudis dan marah terhadap Radio Televisyen Malaysia (RTM), beliau mempersoalkan sama ada anggota Parlimen pembangkang memahami falsafah sebenar di sebalik Peraturan Mesyuarat 66.9 itu.

"Fasal 66(9) ini sedang disalahgunakan pembangkang demi kepentingan politik murahan mereka. Mereka menyalahkan demokrasi...tindakan mereka mencemarkan dewan tertinggi di negara ini," katanya sambil merujuk kepada empat usul sedemikian dikemukakan sejak penggal Parlimen kesepuluh itu bersidang termasuk satu usul terhadap Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang belum dibahaskan.

Khalid mencadangkan supaya kajian semula dilakukan terhadap Peraturan 66.9 untuk melihat keperluan dan kesesuaiannya serta Peraturan Mesyuarat 44 berhubung ketertiban anggota dalam permesyuaratan, penggunaan perkataan dan istilah yang bersesuaian supaya majlis mesyuarat berjalan dengan baik dan lancar.

Beliau berkata usul sedemikian juga hanya membuang masa dewan yang sepatutnya digunakan untuk membahas, mengkritik dan mengemukakan cadangan yang bernas terhadap masalah yang dibentangkan di hadapan mereka iaitu Bajet 2003.

Mengenai siaran RTM, beliau berkata RTM telah berjaya menyedarkan rakyat terhadap kebenaran yang disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai politik fitnah, maki hamun dan politik berasaskan kebencian sesama manusia oleh pembangkang.

"RTM bukanlah mengada-adakan perkara yang direka-reka tetapi semua program adalah berasaskan fakta yang benar tanpa memutarbelit fakta. Semua 7klip video yang disiarkan adalah yang telah disebar oleh PAS sendiri," katanya sambil memegang beberapa keping cakera padat dan menunjukkannya ke arah pembangkang.

Khalid berkata dakwaan bahawa Menteri Penerangan mempunyai prestasi yang lemah adalah tidak adil kerana sebagai Timbalan Menteri Penerangan, beliau dan anggota pentadbiran lain termasuk Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Zainuddin Maidin turut bertanggungjawab.

"Keluh kesah terhadap RTM dan Menteri Penerangan ini sebenarnya menunjukkan kejayaan Menteri Penerangan dan menjalankan tugasnya dengan cemerlang, ia sepatutnya menaikkan gaji (menteri).

"Yang lebih wajar dipotong gaji ialah Ketua Pembangkang yang sering membuat ucapan yang tidak relevan dengan keadaan ekonomi dan politik semasa dan juga sesetengah anggota pembangkang kerana membawa perkara yang tidak bertanggungjawab seperti usul potong gaji ini," katanya.

Usul yang dibahas oleh tiga anggota iaitu Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading), Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) dan Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) menggamatkan dewan apabila anggota Parlimen lain turut mengambil kesempatan mencelah dan bersuara daripada tempat duduk masing-masing.

Suasana menjadi bising dan semua mata tertumpu kepada Zainuddin semasa dia memasuki dewan dan turut mengikuti perbincangan.

Husam dalam usulnya berkata siaran RTM secara keseluruhannya adalah yang tercorot dan tidak ditonton oleh orang ramai kerana daripada segi siaran dan kualiti kandungan yang rendah berbanding dengan stesen televisyen lain seperti TV3.

Beliau berkata Menteri Penerangan juga seorang yang tidak bertanggungjawab kerana gagal menunaikan kewajipannya untuk menjawab sendiri soalan-soalan berhubung kementerian yang dikemukakan di Parlimen.

"Standard RTM dan maklumbalas kementerian ini perlu diawasi. Menteri tidak boleh lepas tangan," katanya.

Mohamad Sabu pula turut mengambil kesempatan menggunakan perkataan yang mengikut peraturan tidak dibenarkan seperti "jahat, ekstremis, haprak" dan menyebut "Zam", merujuk kepada nama pena Zainuddin.

"Zam ni jahat, saya tarik balik. Dia ekstremis, tarik balik," kata Mohamad Sabu, yang turut menyatakan penyiaran klip video seperti insiden Memali, isu selak kain oleh anggota PAS, Kelantan Dalam Gerhana serta klip ucapannya yang disiarkan RTM sebagai propaganda murahan yang menghina anggota PAS dan merupakan "dasar Zam".

-- BERNAMA
HS HS MOZ